

Headline	DBKU rancang wujud hutan buatan di bandar raya		
MediaTitle	Kosmo		
Date	14 May 2013	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	16	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	178 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,548
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,643



DBKU rancang wujud hutan buatan di bandar raya



KUCHING - Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) mahu bekerjasama dengan Institut Kajian Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk mewujudkan hutan buatan di kawasan selian-nya, kata Datuk Bandar Kuching Utara, Datuk Abang Abdul Wahap Julai (**gambar kecil**).

Beliau berkata, hutan seumpama itu adalah untuk mencantikkan lagi kawasan, meningkatkan mutu alam sekitar dan menarik pelancong.

"FRIM memiliki kepakaran,

(terutama dalam) arkitek landskap bagi membantu kami membina rancangan ini di kawasan tertentu di bandar raya Kuching," katanya selepas menghadiri Simposium Pemeliharaan Kebangsaan di sini semalam.

Beliau berkata, masih terdapat kawasan kosong di bawah bidang kuasa DBKU yang boleh dijadikan hutan yang dibentuk dengan baik.

Rancangan itu akan dilaksanakan tahun ini, katanya.

- Bernama



DEWAN Bandaraya Kuching Utara bercadang untuk mewujudkan hutan buatan di sekitar bandar raya Kuching dengan kerjasama FRIM tidak lama lagi.